

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

BORANG PENGECAULIAN KREDIT

SEMESTER ____ SESI ____ / ____

No. Pendaftaran/Matrik :

Program :

Nama Pelajar :

Fakulti :

BIL.	KURSUS YANG DIPOHON UNTUK PENGECAULIAN KREDIT			KEPUTUSAN KURSUS YANG SETARA DENGAN KURSUS YANG DIPOHON						
	KOD	KURSUS	JAM KREDIT	KOD	KURSUS	GRED	INSTITUSI	TAHUN	SETARA/TIDAK SETARA	TANDA TANGAN & COP PENYELARAS KURSUS/ KETUA JABATAN

Jumlah jam pengecualian kredit yang dipohon : jam kredit

Tarikh : Tandatangan pelajar :

Saya dengan ini meluluskan/ tidak meluluskan pelajar ini membuat pengecualian kredit bagi kursus di atas dengan jumlah unit sebanyak jam kredit.

.....
 Tandatangan Dekan/
 Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)



GARIS PANDUAN PENGECUALIAN/PEMINDAHAN KREDIT (KURSUS)

3.7 Pengecualian Kredit (Kursus)

- 3.7.1 Pengecualian kredit ialah pengecualian yang diberi kepada pelajar daripada mengikuti kursus tertentu yang diiktiraf oleh Senat untuk pengajian di universiti kerana telah memenuhi syarat lulus kursus setara yang diambil dari mana-mana institusi sebelum diterima.
- 3.7.2 Pelajar boleh memohon pengecualian kursus daripada fakulti dalam semester pertama selepas mendaftar sebagai pelajar universiti.
- 3.7.3 Penyetaraan kursus peringkat Diploma dengan kursus peringkat Sarjana Muda (secara *vertical*) perlu melibatkan:
 - 3.7.3.1 Bagi kursus yang melibatkan *Sharing code* diploma UPSI, penyetaraan boleh melibatkan 1 kursus sahaja dengan memperoleh purata sekurang-kurangnya gred B.
- 3.7.4 Senarai kursus yang dianggap setara oleh fakulti perlu mendapat kelulusan Dekan.
- 3.7.5 Kriteria pengecualian kredit adalah seperti berikut:-
 - 3.7.5.1 Memperoleh sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus-kursus berkenaan.
 - 3.7.5.2 Kursus tidak melebihi tempoh lima (5) tahun.
 - 3.7.5.3 Tiada had untuk pengecualian kredit kepada pelajar yang telah mempunyai kelayakan (*Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh MQA*)
 - 3.7.5.4 Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit perlu mempunyai kesetaraan kurikulum tidak kurang 80% dengan kursus yang ditawarkan. (*Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh MQA*)
 - 3.7.5.5 Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang mendapat Akreditasi/Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.
 - 3.7.5.6 Pelajar boleh memohon pemindahan kredit melalui fakulti dalam tempoh empat (4) minggu selepas mendaftar sebagai pelajar Universiti.
- 3.7.6 Pengecualian kredit Kursus Universiti hanya dibenarkan secara *horizontal* sahaja.
- 3.7.7 Permohonan pengecualian kursus oleh pelajar perlu mengemukakan sinopsis kursus terlibat.
- 3.7.8 Kursus yang diberi pengecualian tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.

3.8 Pemindahan Kredit antara IPT

- 3.8.1 Pemindahan kredit ialah kredit yang diperoleh oleh seseorang pelajar sesebuah IPT dari IPT lain, setelah mengikuti kursus tertentu dan lulus dalam tempoh pengajian yang dibenarkan dengan kelulusan fakulti tempat dia mendaftar sebagai pelajar.
- 3.8.2 Kriteria pemindahan kredit adalah seperti berikut:-
 - 3.8.2.1 Tertakluk kepada perkara 3.7.5.
 - 3.8.2.2 Nilai kredit kursus berkenaan perlu sama dengan nilai kredit kursus bagi program di UPSI.
 - 3.8.2.3 Kursus yang dipindahkan kredit akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK untuk pengijazahan.

*Rujukan :

KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) 2008 (PINDAAN 2019)